

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Khalid Bin Abd Samad [ Shah Alam ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah satu kajian dibuat berhubung kesan terhadap perniagaan teksi sebelum membenarkan Uber dan Grab bermula di Malaysia.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kewujudan perkhidmatan e-hailing adalah satu fenomena baru yang melanda industri perkhidmatan kenderaan darat seluruh dunia. Satu kajian mengenainya telah dibuat oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) melalui Makmal Transformasi Industri Teksi pada akhir tahun 2015.
2. SPAD telah mengenalpasti isu-isu yang membelenggu industri teksi tempatan termasuklah kesan terhadap perniagaan teksi di Malaysia setelah kewujudan perkhidmatan e-hailing seperti Uber dan Grab serta membuat perbandingan dengan cabaran-cabaran yang turut dihadapi di bandar-bandar lain di seluruh dunia.
3. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menggariskan 11 inisiatif sebagai penyelesaian kepada isu-isu tersebut.

Sekian, terima kasih.